



# CABARAN-CABARAN DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB DI MALAYSIA: SATU KAJIAN DI UNIVERSITI AWAM DAN SWASTA

*Challenges in Teaching the Arabic Language in Malaysia: A  
Study at Public and Private Universities*

Linamalini Mat Nafi<sup>1,\*</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Islamic Studies and Arabic Language, Sultan Ismail Petra International Islamic College, 15730, Malaysia.

\*Corresponding author e-mail:  
drlina3773@gmail.com

Received: 16-04-2026

Accepted: 28-04-2026

Published: 30-04-2026

How to Cite:

Mat Nafi, L. (2026). Cabaran-Cabaran Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia: Satu Kajian Di Universiti Awam Dan Swasta. *Jurnal Dirasatica: Jurnal Pengajian Islam Kontemporer*, 2(1), 43-53.

## ABSTRACT

In the context of Arabic language education in Malaysia, the language has long been studied beginning at the preschool level, followed by primary and secondary education, and continuing to the university level. However, weaknesses in students' mastery of the language have become increasingly evident, particularly in language skills. Therefore, this paper aims to examine the challenges in teaching the Arabic language at several universities in Malaysia. It also proposes several recommendations to strengthen Arabic language teaching in higher education institutions in Malaysia. This qualitative study employs two methods, namely the library research method and the interview method. A total of four lecturers were selected as informants, consisting of two lecturers from public universities and two lecturers from private higher education institutions. The findings indicate that the challenges in teaching Arabic can be categorized into three main aspects: students' attitudes, lecturers' attitudes, and curriculum and pedagogy. Therefore, to strengthen Arabic language teaching, appropriate emphasis

should be given to lecturer empowerment programs, student reinforcement, and the development of curriculum and pedagogy.

**Keywords:** *Teaching; Arabic Language; Students' Attitudes; Teachers' Roles.*

## **ABSTRAK**

Dalam konteks pendidikan Bahasa Arab di Malaysia, ia sudah sekian lama dipelajari bermula dari peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah, kemudian diteruskan hingga ke peringkat universiti. Namun, kelemahan penguasaannya dalam kalangan pelajar semakin hari semakin ketara dan meningkat terutamanya dalam kemahiran berbahasa. Justeru, kertas ini bertujuan untuk mengupas tentang cabaran-cabaran dalam pengajaran Bahasa Arab di beberapa universiti di Malaysia. Ia juga akan mengemukakan cadangan-cadangan untuk memperkasakan pengajaran Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Kajian kualitatif ini menggunakan dua kaedah iaitu kaedah perpustakaan dan kaedah temu bual. Seramai empat orang pensyarah telah dipilih sebagai informan. Mereka terdiri daripada dua orang pensyarah daripada IPTA dan dua orang pensyarah daripada IPTS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran-cabaran dalam pengajaran bahasa Arab dapat dikategorikan kepada tiga aspek utama iaitu sikap pelajar, sikap pensyarah dan kurikulum & pedagogi. Justeru, bagi memperkasakan pengajaran bahasa Arab program-program pemeraksanaan pensyarah, pengukuhan pelajar dan pembangunan kurikulum dan pedagogi perlu diberi penekanan yang sewajarnya.

**Kata Kunci:** *Pengajaran; Bahasa arab; Sikap pelajar; Peranan guru*

## **1. Pendahuluan**

Pendidikan Islam dan bahasa Arab begitu sinonim dengan masyarakat Malaysia dan ia mempunyai sejarah yang panjang sejak kemasukan Islam ke negara ini, iaitu lebih kurang 500 tahun yang lalu (Abdullah et al., 2005). Menurut al-Attas (1984), bahasa Arab telah sampai ke Malaysia sejak kurun ke-13 Masihi bersama dengan kedatangan Islam. Pengajaran bahasa Arab telah bermula secara tidak rasmi di Malaysia sejak dari kedatangan Islam, iaitu melalui para pedagang dan pendakwah Islam berbangsa Arab (Rosni, 2009).

Pendidikan Bahasa Arab ini mempunyai kedudukan yang unik dalam sistem pendidikan di Malaysia. Bahasa Arab merupakan asas dalam pendidikan pondok dan sistem sekolah aliran agama suatu ketika dahulu, namun kini menjadi salah satu matapelajaran dalam arus pendidikan perdana. Perkembangan pengajaran bahasa Arab telah merentas sempadan sekolah dengan penawaran subjek tersebut di pusat-

pusat pengajian tinggi sebagai satu kursus bahasa pilihan atau kertas bahasa asing pilihan. Pengajaran bahasa Arab terus gag dengan adanya institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan kursus-kursus pengajian Islam dalam bahasa Arab. Terdapat juga institusi-institusi yang menawarkan pengkhususan dalam jurusan bahasa Arab (Rosni, 2009).

Perkembangan demi perkembangan positif telah berlaku dengan pesat yang menggambarkan betapa bahasa ini telah mendapat tempat di hati masyarakat. Walaupun Bahasa Arab sudah sekian lama dipelajari bermula dari peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah, sehingga ke peringkat universiti, namun kelemahan penguasaannya dalam kalangan pelajar semakin hari semakin ketara dan meningkat (Mat Taib 2006, Che Radiah 2009) terutamanya dalam kemahiran Bahasa. Dalam konteks kemahiran menulis, tahap penguasaan pelajar masih berada pada tahap yang kurang memuaskan, malah terdapat sebilangan pelajar menunjukkan tahap yang sangat lemah (Norhayati et.al., 2016). Menurut Abdul Razif Zaini et.al., (2019) dalam usaha memperkasa pendidikan Bahasa Arab di Malaysia, isu permasalahan guru dalam pengajaran bahasa Arab sering kali diperdebatkan.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pengajaran Bahasa Arab di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia. Kajian ini turut mengemukakan beberapa cadangan untuk memperkasakan pengajaran Bahasa Arab di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia.

## 2. Skop Kajian

Kajian ini melibatkan empat orang pensyarah dari empat buah institusi pengajian tinggi awam dan institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia. Dua institusi dari Pantai Timur dan dua institusi dari Pantai Barat Malaysia.

## 3. Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif digunakan bagi meneliti secara mendalam cabaran-cabaran dalam pengajaran Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia serta mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan. Bagi mencapai objektif kajian, data dikumpulkan melalui dua kaedah utama, iaitu kaedah perpustakaan (kajian dokumen) dan kaedah temu bual separa berstruktur. Sampel kajian terdiri daripada empat orang pensyarah yang terpilih masing-masing terdiri daripada dua orang pensyarah IPTA dan dua orang pensyarah IPTS. IPTA yang terlibat ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), manakala IPTS yang terpilih ialah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Universiti Islam Selangor (UIS)

Data temu bual daripada empat orang informan (pensyarah Bahasa Arab) dirakam, ditranskrip sepenuhnya, dan disemak untuk memastikan ketepatan kandungan. Transkrip disediakan dalam bentuk verbatim bagi mengekalkan keaslian maklumat. Semua data disusun dan dikategorikan mengikut tajuk temu bual yang telah ditetapkan dalam protokol kajian. Seterusnya, analisis dilakukan secara sistematik menggunakan analisis tematik yang melibatkan proses pengkodan. Kod A dilabelkan untuk UIAM, Kod B dilabelkan untuk UniSZA, Kod C dilabelkan untuk UIS dan Kod D dilabelkan untuk KIAS. Akhir sekali, data yang telah dikod dan dianalisis secara tematik digunakan untuk membina satu pemetaan cabaran dalam pengajaran Bahasa Arab di IPT. Pemetaan ini membantu penyelidik menyusun strategi cadangan bagi memperkasakan pengajaran Bahasa Arab. Setiap cadangan disandarkan kepada dapatan yang disokong oleh maklum balas informan dan sumber literatur.

#### 4. Dapatan Kajian

Berikut ialah analisis data kajian yang disusun dalam bentuk jadual tematik mengikut institusi bagi tiga sub-tema utama di bawah tema: Cabaran dalam Pengajaran Bahasa Arab di IPT Malaysia. Setiap jadual berikut menunjukkan maklumat berdasarkan transkripsi informan yang telah dikategorikan secara tematik mengikut institusi A, B, C, dan D.

Jadual 1. Cabaran Sikap Pelajar Mengikut Institusi

<b>Institusi</b>	<b>Cabaran</b>	<b>Huraian Berdasarkan Transkripsi</b>
A	Kurang keyakinan berkomunikasi	Pelajar tidak yakin bercakap dalam Arab kerana kekurangan persekitaran yang menyokong komunikasi dalam bahasa tersebut. Pensyarah perlu cipta suasana Arabiah secara aktif.
B	Kekurangan keberanian bercakap	Pelajar tidak berani bercakap walaupun ada pengetahuan. Mereka takut salah. Pensyarah perlu beri ruang, semangat dan motivasi untuk pelajar mencuba.
C	Ketiadaan biah Arabiah	Kekurangan penutur asing menyebabkan tiada suasana Arabiah. Pensyarah terpaksa mengambil inisiatif mewujudkan persekitaran ini dalam kelas dan urusan harian.

D	Tanggapan negatif terhadap bidang	Pelajar menganggap Bahasa Arab sukar dan hanya berkaitan agama. Terdapat keperluan meningkatkan kesedaran akan prospek kerjaya dan nilai bahasa ini.
---	-----------------------------------	--

Jadual 2. Cabaran Sikap Pensyarah Mengikut Institusi

Institusi	Cabaran	Huraian Berdasarkan Transkripsi
A	Isu pelajar (depression, gajet, dll.)	Pensyarah hadapi pelajar yang tertekan, masalah sosial, dan tidak fokus. Ini menjejaskan pengajaran secara langsung.
B	Memotivasikan pelajar	Cabaran utama adalah memberi semangat dan motivasi dalaman kepada pelajar untuk menguasai Bahasa Arab secara aktif dan berdikari.
C	Menyesuaikan bahan pengajaran	Buku-buku rujukan terlalu tinggi tahapnya. Pensyarah perlu menyesuaikan bahasa dan kandungan supaya lebih mudah difahami pelajar.
D	Kekurangan kerjasama dalam jabatan	Tidak semua pensyarah bekerjasama menggunakan Bahasa Arab. Pensyarah yang lemah menunjukkan kelemahan kepada pelajar dan ini memberi kesan negatif.

Jadual 3. Cabaran Kurikulum dan Pedagogi Mengikut Institusi

Institusi	Cabaran	Huraian Berdasarkan Transkripsi
A	Adaptasi gaya pembelajaran teknologi	Penggunaan video dan pembelajaran sendiri perlu disokong dengan penilaian dan aktiviti supaya efektif.
B	Kemampuan asas bahasa Arab pelajar	Pelajar lemah dalam asas bahasa (naħw, şarf). Pensyarah perlu kukuhkan asas ini walaupun mengajar topik lanjutan.
C	Kompetensi pelajar rendah	Pelajar lemah memerlukan masa dan perhatian lebih dari pensyarah termasuk konsultasi luar kelas.
D	Kekurangan latihan dan peningkatan pensyarah	Pensyarah perlu aktif hadiri kursus, adaptasi kurikulum dan mengambil inisiatif sendiri membina bahan pengajaran.

Kajian ini mengenal pasti tiga cabaran utama dalam pengajaran Bahasa Arab di IPT Malaysia, iaitu sikap pelajar, sikap pensyarah, serta aspek kurikulum dan pedagogi. Cabaran ini telah dikenalpasti secara konsisten dalam keempat-empat institusi pengajian tinggi yang terlibat dalam kajian.

#### *4.1 Cabaran Sikap Pelajar*

Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah kurangnya keyakinan dan keberanian pelajar untuk berkomunikasi dalam Bahasa Arab. Pelajar tidak yakin menggunakan bahasa Arab kerana ketiadaan persekitaran sokongan dan takut melakukan kesilapan. Dapatan ini selari dengan hasil kajian oleh Yusof dan Ali (2020) yang menyatakan bahawa pelajar Bahasa Arab di IPT menghadapi kekangan psikologi seperti rasa malu dan takut salah ketika berinteraksi dalam bahasa tersebut. Kajian oleh Abdullah (2019) juga menegaskan bahawa kurangnya *biah* (suasana) Arabiah yang aktif menyebabkan pelajar tidak terdedah kepada penggunaan bahasa secara semula jadi.

Tanggapan negatif pelajar terhadap subjek Bahasa Arab juga merupakan satu cabaran yang ketara. Mereka menganggap Bahasa Arab sukar dan hanya berkaitan agama. Hal ini telah dibincangkan dalam kajian oleh Mohd Salleh et al. (2021) yang mendapati persepsi negatif terhadap Bahasa Arab menyebabkan penurunan motivasi pelajar.

#### *4.2 Cabaran Sikap Pensyarah*

Pensyarah turut berdepan cabaran dari sudut menyesuaikan pengajaran dengan keperluan pelajar, khususnya dalam berdepan pelajar yang mengalami tekanan emosi, ketagihan gajet, dan masalah tumpuan. Ini membebankan proses penyampaian ilmu dan menuntut usaha tambahan daripada pensyarah. Menurut Zainal et al. (2020), pensyarah Bahasa Arab perlu bukan sahaja menyampaikan kandungan, tetapi juga bertindak sebagai pemudah cara motivasi dan sokongan emosi kepada pelajar.

Tambahan pula, kurangnya kerjasama dalam kalangan pensyarah dalam menggunakan Bahasa Arab secara konsisten turut memberi kesan negatif kepada suasana pembelajaran. Hal ini sejajar dengan dapatan Rahman dan Hassan (2018) yang menekankan pentingnya model peranan (*role model*) bahasa dalam kalangan tenaga pengajar bagi memperkukuh penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar.

### *4.3 Cabaran Kurikulum dan Pedagogi*

Cabaran berkaitan kurikulum pula termasuk ketidakselarasan tahap bahan pengajaran dengan keupayaan pelajar. Pensyarah menghadapi kesukaran kerana buku rujukan terlalu sukar dan perlu diolah mengikut tahap pelajar. Hal ini dibuktikan dalam kajian Ismail & Musa (2022) yang mencadangkan agar bahan pengajaran Bahasa Arab untuk bukan penutur asli dirangka dengan pendekatan bertahap dan kontekstual. Selain itu, kelemahan asas bahasa seperti nahw dan sarf dalam kalangan pelajar menuntut pensyarah untuk mengulang semula konsep-konsep asas walaupun topik pengajaran bersifat lanjutan. Keadaan ini selari dengan kajian oleh Kamarudin et al. (2017) yang mendapati bahawa pelajar IPT sering lemah dari segi tatabahasa, dan perkara ini mengganggu pemahaman mereka terhadap teks lanjutan.

Akhir sekali, pensyarah dilihat memerlukan lebih banyak peluang latihan dan pembangunan profesional. Mereka perlu dilengkapi dengan pendekatan pedagogi terkini, sejajar dengan dapatan Azman & Halim (2021) yang mencadangkan agar pensyarah diberi latihan berterusan dalam reka bentuk bahan ajar dan integrasi teknologi.

## **5. Kesimpulan**

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa pengajaran Bahasa Arab di institusi pengajian tinggi di Malaysia tidak terlepas daripada pelbagai cabaran yang kompleks dan saling berkait di mana ianya merangkumi aspek sikap pelajar, sikap pensyarah, serta isu berkaitan kurikulum dan pedagogi. Sikap pelajar yang kurang yakin, kurang motivasi, serta tanggapan negatif terhadap subjek menjadi penghalang utama dalam penguasaan bahasa. Manakala pensyarah pula berdepan tekanan untuk memotivasikan pelajar, menyesuaikan bahan pengajaran serta menghadapi kekangan kerjasama dalaman. Tambahan pula, kurikulum sedia ada belum benar-benar mengambil kira keperluan dan tahap penguasaan sebenar pelajar, di samping kurangnya latihan profesional kepada pensyarah. Oleh itu, bagi memastikan keberkesanan pengajaran, perlu wujud sinergi antara semua pihak terlibat untuk membina persekitaran yang menyokong penguasaan Bahasa Arab secara aktif dan holistik. Justeru, pendekatan holistik dan kerjasama antara pihak pentadbiran, tenaga pengajar, dan pelajar amat diperlukan bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif, progresif dan menyokong penguasaan Bahasa Arab secara berkesan dan berterusan.

## Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada laporan penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan KIAS yang bertajuk “Cabaran-Cabaran Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia”. Justeru, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak pengurusan KIAS yang telah meluluskan sejumlah peruntukan bagi merealisasikan penyelidikan ini.

## Sumbangan Pengarang

Kajian ini menyumbang kepada pemeraksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di institusi pengajian tinggi dengan mengenal pasti cabaran utama yang melibatkan sikap pelajar, sikap pensyarah, serta aspek kurikulum dan pedagogi. Dapatan kajian ini turut menyediakan cadangan penambahbaikan yang praktikal dan relevan sebagai panduan kepada pihak berkepentingan. Secara keseluruhannya, kajian ini berpotensi menyumbang kepada kelestarian pengajaran Bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi, khususnya dalam melahirkan graduan yang kompeten dan berdaya saing.

## Konflik Kepentingan

Pengarang mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan (kewangan, peribadi atau profesional) yang boleh mempengaruhi penulisan dan penerbitan artikel ini.

## Pernyataan Etika

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang digunakan diperoleh daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

## Pernyataan Teks Yang Dihasilkan Oleh Kecerdasan Buatan (AI)

Tiada alat Kecerdasan Buatan (AI) digunakan untuk menghasilkan kandungan asal, menjalankan analisis, atau menggantikan mana-mana bahagian sumbangan intelektual penyelidik. Namun, kecerdasan buatan (AI) digunakan sebagai alat bantuan *proofreading* dalam penyediaan manuskrip ini. Walau bagaimanapun, semakan akhir dan pengesahan kesahihan maklumat kajian dilakukan sepenuhnya oleh penulis

## Pernyataan Ketersediaan Data

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis korespondan.

## Rujukan

- Abdul Aziz, N. A., Idrus, S. H., & Mahamod, Z. (2008). Sikap pelajar sekolah menengah swasta terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu. *Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Shah Alam: Karisma Publications.*
- Abdullah, A. R. (2009). *Komunikatif dan strategi komunikasi bahasa Arab di kalangan pelajar sek. men. agama di negeri Selangor* (Doctoral dissertation, Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia).
- Abdullah, N. (2019). *Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab di universiti awam.* Jurnal Pendidikan Bahasa, 12(1), 45–58.
- al-Muslim dan Zamri Arifin (2016). Kompetensi guru Bahasa Arab dan amalan guru terbaik di Malaysia. Prosiding Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa dan Sastera kepada penutur bukan Arab.(pnyt Zamri Arifin, Mohd Muhiden Abd Rahman dan Ale Jehlae. Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi. Hlm 27-33.
- Asma, A. R. (2003). Pembelajaran Bahasa Arab Dalam kalangan Penutur Melayu: Suatu Penyelesaian Melalui Laman-Laman Web Arab. *Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-16. ICT dalam Pendidikan dan Latihan: Trend dan Isu. Kuala Lumpur: Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia.*
- Azman Che Mat. (2013). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Di IPTA. Volume 2 Issue 2 2013 Academia Journal UiTM. <http://journale-academiauitmt.uitm.edu.my/>
- Azman, H., & Halim, M. (2021). *Professional development needs among Arabic language lecturers in Malaysian universities.* Journal of Teaching and Learning, 8(2), 22–35.
- Bailey, C. R., & Bailey, C. A. (2017). *A guide to qualitative field research.* Sage publications.
- Bakalla, M. H. (1984). Arabic culture, through its language and literature. London: Kagen Paul International
- Balakrisnan, F. (2002). Penilaian pelaksanaan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam mata pelajaran sejarah KBSM tingkatan 4. Satu kajian kes di daerah Tampin dan Rembau, Negeri Sembilan. *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.*
- Bowring-Carr, C., & West-Burnh, J. (1999). Belajar secara berkesan di sekolah. Terj. Annuar Ayob (Edisi ke-6). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Brown, H. D. (1994). Usus ta'lim al-lughah wa ta'allumuh. Terj. *Abduh al-Rajie. Beirut: Darul Nahdhah al-Arabiyyah.*
- Che Ahmad, 2011 Che Ahmad, C. N. (2011). Aspek fizikal dan psikososial dalam persekitaran pembelajaran makmal Sains. (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Che Mat. (2000). Pengurusan Kerjaya. Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd. Cheras. Kuala Lumpur.

- Dalip, A. R. (1998). Teknik pengajaran dan pembelajaran agama Islam di sekolah menengah. *Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Ghani, K. A., Ismail, Z., & Yusoff, N. M. R. N. (2001). Peranan persekitaran bahasa Arab terhadap bahasa Arab Komunikasi. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1)*, 254-263. Siri Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghofur, A. (2013). *Upaya meningkatkan penguasaan memahami kosakata bahasa Arab melalui active learning great wind blows pada siswa kelas VIII di MTsN II Yogyakarta tahun akademik 2012/2013* (Doctoral dissertation, UIN Sunan Kalijaga).
- Ismail, N., & Musa, R. (2022). *Designing suitable Arabic language materials for non-native learners: A needs-based approach*. *Arabiyyat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebudayaan*, 13(1), 99–113.
- Ismail, Z. (2001). Hubungan antara persekitaran bahasa Arab dengan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab di kalangan pelajar universiti di Malaysia. (Laporan disertasi tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Kamarudin, S., Ahmad, W., & Nor, M. (2017). *Masalah penguasaan nahw dan sarf dalam kalangan pelajar Bahasa Arab di IPTA*. *Jurnal Pendidikan Islam*, 5(2), 83–98.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohd Hazli Yah @ Alias, Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia: Tinjauan Literatur Mengenai Tahap Penguasaan Bahasa, DP. Jilid 8, Bil. 2/2008, Pendidikan Bahasa.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Zamri Mahamod. 2009. *Strategi Metafizik: Kesenambungan Penerokaan Domain Strategi Utama Pembelajaran Bahasa*. GEMA Online Journal of Language Studies. Volume 9(2): 1-13.
- Mat, A. C., & Soon, G. Y. (2010). Situasi pembelajaran bahasa asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2(2), 9-21.
- Mohamed, A. K. (2001). *Teori Pengajaran dan Pembelajaran: Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Penerbit UTM Press.
- Mohd Salleh, M., Zakaria, A. R., & Jamaludin, N. (2021). *Persepsi pelajar terhadap pengajaran Bahasa Arab: Kajian kes di IPTS Malaysia*. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 7(1), 13–25.
- Rahman, A. R., & Hassan, H. (2018). *Peranan penyarah sebagai model bahasa dalam pengajaran Bahasa Arab*. *Jurnal Linguistik*, 32(1), 27–41.
- Rejab, I. M. (1992). Masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. *Dlm. Ismail Ab. Rahman. Pendidikan Islam Di Malaysia. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Rosni Samah. 2012. Isu Pembelajaran Bahasa Arab. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR '12), Universiti Kebangsaan Malaysia
- Tamuri, A. H., Yusopp, A., Osman, K., Razak, K. A., Awaludin, S., & Rahim, Z. A. (2004). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. *Laporan Penyelidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia*.
- Yusof, S., & Ali, M. (2020). *Cabaran pelajar dalam komunikasi lisan Bahasa Arab di peringkat universiti*. *Journal of Arabic Education*, 10(2), 55–70.

- Yusri, G., Rahimi, N. M., & Shah, P. M. (2010). Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(3), 15-33.
- Zaid, C. M., Ismail, Z., Al Jarrah, M. I., Ab Majid, M. R., Othman, M. A. U., & Salleh, A. W. (2019). Bi'ah Lughawiyah Dan Pencapaian Pelajar Di Universiti Awam Malaysia: Peranan Sikap Pelajar Sebagai Mediator. *Journal of Nusantara Studies* 2019, Vol 4(2) 70-100 Universiti Sultan Zainal Abidin ISSN 0127-9386. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol4iss2pp70-100>
- Zainal, Z., Halim, R., & Haron, H. (2020). *Cabaran pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pensyarah IPT: Satu tinjauan awal*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 3(2), 14–29.
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran: Teaching of Arabic in Malaysia: Problems and Challenges. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47-57.